

# Kesumba UMS prihatin kebajikan Pusat Pengembangan Autisme UMSKAL

UB 29.10.17 A5

LABUAN: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (Kesumba) akan terus membantu Pusat Pengembangan Autisme UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Yang Dipertua Kesumba UMS, Datin Roha Asmara berkata pihaknya begitu prihatin dengan kebajikan pusat tersebut yang masih memerlukan bantuan dan sumbangan daripada orang ramai.

Justeru itu, beliau menyeru semua pihak termasuk golongan korporat, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta dan orang ramai untuk tampil ke hadapan membantu menyalurkan bantuan



**ZAKIAH** (empat kiri) menerima sumbangan daripada Roha sambil disaksikan Shafry (tiga kiri) dan Hayati Baihaki (tujuh kanan).

kewangan bagi meringankan Pusat Perkembangan Autisme UMSKAL itu.

“Kesumba akan terus membantu Pusat

Pengembangan Autisme UMS Kampus Antarabangsa Labuan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga nasihat dan kepakaran lain


yang dimiliki kakitangan, pensyarah juga ahli Kesumba sendiri,”katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kewangan kepada Pengerusi Persatuan Autisme Labuan, Zakiah Hassan di Pusat Pengembangan Autisme UMS Kampus Antarabangsa Labuan, pada Jumaat.

Turut hadir Pengerusi Kesumba UMSKAL Hayati Salleh Baihaki, Setiausaha Kehormat Kesumba Stella Nurul Martini Gontol dan Exco Tertinggi Kesumba UMS dan UMS Labuan.

Taklimat mengenai Pusat Pengembangan Autisme itu disampaikan oleh Pengarah Pusat Perkembangan Autisme UMSKAL Shafry Mohd Sarif.

Roha turut menyampaikan sumbangan alat bantu mengajar (ABM), rak buku dan rak kasut daripada Kesumba KAL kepada



**MURNIZAM** menyampaikan cenderamata kepada Roha sambil diperhatikan Hayati Baihaki (kiri).

Taska Permata Kemas yang diwakili Pemaju Masyarakat Taska Permata Kemas, Siti Khatijah Haji Lakat.

Taska Permata Kemas kendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLBW) mempunyai 25 kanak-kanak yang berusia antara 2 hingga 4 tahun yang dijaga oleh tujuh Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela.

Terdahulu delegasi Kesumba mengadakan kunjungan hormat terhadap Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang juga Penasihat Kesumba UMSKAL di Kesumba Biz and Beat, Aras 11, Bangunan Menara UMSKAL.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua-ketua Sektor

UMSKAL, Exco dan ahli Kesumba KAL.

Roha yang juga isteri kepada Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin selaku Penasihat Kesumba berkata kunjungan Kesumba ke Wilayah Persekutuan Labuan itu untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara ahli di Kampus Induk dan UMS Labuan.

“Menerusi kunjungan itu juga kami dapat melihat pembangunan pesat Labuan yang telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984,”katanya.

Tambah beliau, sumbangan kewangan dan peralatan tersebut adalah daripada yuran yang dibayar ahli Kesumba untuk membantu golongan memerlukan terutama anak-anak autisme.



**KANAK-kanak** Taska Permata Kemas gembira bergambar bersama Roha (duduk, tiga kanan) dan Hayati Baihaki (dua, kanan).